Mohamad Hanafi bin Seman lwn Wan Othman bin Wan Yusoff dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PETISYEN PILIHANRAYA NO 26–03 TAHUN 2000
ZULKEFLI H
4 JUN 2000

Pilihanraya *— Petisyen — Permohonan untuk deklarasi bahawa pilihanraya adalah batal dan tidak sah — Kegagalan dalam mematuhi kaedah-kaedah — Pempetisyen tidak meninggalkan tiga salinan petisyen di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi — Petisyen tidak menyebut peruntukan spesifik yang digantung untuk mendapatkan remedi — Sama ada petisyen batal — Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 k 3(2)*

Piliharaya *— Petisyen — Permohonan untuk deklarasi bahawa pilihanraya adalah batal dan tidak sah — Pihak-pihak yang boleh dijadikan responden — Sama ada pegawai pengurus pilihanraya dan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia boleh dijadikan responden — Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 k 4(1)(b) — Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 s 32(a) & (c)*

Pempetisyen mengemukakan petisyen pilihanraya di bawah s 34(a) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 ('Akta tersebut'). Responden pertama adalah calon yang telah dilaporpilih dalam pilihanraya umum pada 29 November 1999. Responden kedua adalah Pegawai Pengurus Pilihanraya ('pegawai pengurus'). Responden ketiga adalah Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia ('Suruhanjaya'). Responden kedua dan ketiga mengemukakan bantahan awal bahawa mereka tidak sepatutnya dijadikan responden-responden dalam petisyen pilihanraya ini. Responden pertama membangkitkan bantahan awal berikut: (i) terdapat ketidakpatuhan kepada k 3(2) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 ('kaedah-kaedah tersebut') di mana terdapat dua salinan petisyen sahaja yang telah ditinggalkan oleh pempetisyen di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi sedangkan k 3(2) menghendaki tiga salinan petisyen; dan (ii) terdapat ketidakpatuhan kepada k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut di mana pempetisyen dalam petisyennya telah gagal secara spesifik menyebut peruntukan Akta tersebut di mana pempetisyen bergantung untuk mengisytiharkan pilihanraya tersebut dibatalkan.

Diputuskan, membatalkan petisyen pilihanraya tersebut:

(1) Hak seseorang untuk memfailkan suatu petisyen pilihanraya wujud daripada statut khusus berkaitan dengan pilihanraya. Oleh itu, hanya prosedur dan limitasi yang terdapat dalam statut tersebut terpakai dan hendaklah dipatuhi dengan ketat. Melalui peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang pilihanraya, adalah jelas bahawa hanya calon yang telah dilaporpilih boleh dinamakan sebagai responden dalam sesuatu petisyen pilihanraya. Tiada peruntukan tersirat di dalam undang-undang pilihanraya yang memperuntukkan bahawa Suruhanjaya atau pegawai pengurus boleh dijadikan pihak di dalam sesuatu petisyen pilihanraya (lihat ms 488H–I).

(2) Dari aspek relief dan remedi yang boleh diperintahkan oleh mahkamah seperti yang dinyatakan di bawah s 35 Akta tersebut, ia hanya boleh diperintahkan terhadap calon yang telah dilaporpilih. Oleh itu, tidak terdapat bidang kuasa untuk menjadikan Suruhanjaya dan pegawai pengurus sebagai pihak-pihak dalam suatu petisyen pilihanraya di mana tiada relief dituntut daripada mereka (lihat ms 489I–490A).

(3) Kaedah 15 dibaca bersama k 10 kaedah-kaedah tersebut menunjukkan bahawa responden hanya boleh terdiri daripada seorang calon yang telah dilaporpilih di dalam pilihanraya dan bukan Suruhanjaya atau pegawai pengurus. Kaedah-kaedah 10 dan 15 tersebut telah menetapkan secara nyata masa dan cara penyampaian notis mengenai pengemukaan sesuatu petisyen disertai dengan suatu salinan petisyen tersebut ke atas seseorang yang tertentu iaitu calon yang telah dilaporpilih. Oleh kerana ke atas siapa penyampaian perlu dilakukan tidak termasuk Suruhanjaya dan pegawai pengurus, maka peruntukan kaedah-kaedah tersebut mesti dipatuhi dan diberi kesan efeknya (lihat ms 490F–H).

(4) Berasaskan peruntukan s 36 Akta tersebut sekiranya mahkamah dikehendaki untuk menyediakan suatu perakuan dan mengarahkannya kepada Suruhanjaya, ia menggambarkan suatu situasi bahawa Suruhanjaya tidak dihasratkan oleh undang-undang untuk dijadikan pihak dalam sesuatu petisyen (lihat ms 491C).

(5) Oleh kerana Suruhanjaya adalah satu badan yang bebas yang diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan fungsinya hanyalah untuk mengendalikan pilihanraya, adalah tidak wajar untuk memaksa Suruhanjaya untuk membela dirinya bagi tindakan yang telah diambil. Ini akan menggugat status bebas yang diberikan kepada Suruhanjaya tersebut. Parlimen berhasrat supaya Suruhanjaya kekal bebas dan tidak dijadikan pihak dalam petisyen pilihanraya. Tambahan lagi, Suruhanjaya dan pegawai pengurus tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam petisyen pilihanraya itu. Tiada relief diminta terhadap mereka dan tugas mereka selanjutnya adalah untuk mematuhi apa-apa peruntukan yang dikeluarkan oleh hakim pilihanraya (lihat ms 492A–E).

(6) Peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut adalah bersifat mandatori dan bukannya 'directory'. Bahasa yang dipakai dalam penggubalan peruntukan k 3(2) adalah suatu bahasa yang jelas dan mudah difaham. Oleh itu, tidak timbul apa-apa kekeliruan tentang maksud peruntukan kaedah tersebut. Kehendak statutori sesuatu petisyen pilihanraya hendaklah dipatuhi dengan ketat dan sepenuhnya kerana pertikaian pilihanraya adalah suatu prosiding statutori yang khas serta khusus dan yang asing kepada undang-undang common law atau ekuiti (lihat ms 496A–C).

(7) Peruntukan kk 3(1) dan (2) dibaca bersama memperuntukkan semua tiga salinan petisyen termasuk salinan asal perlu ditinggalkan di pejabat pendaftar mahkamah. Maka tidak ada cara lain dan ia hendaklah dipatuhi oleh pempetisyen, sungguhpun bagi maksud penyampaian, pengemukaan suatu notis petisyen dan satu salinan petisyen di bawah bahagian kedua k 15 kaedah-kaedah tersebut ke atas responden pertama masih dapat disempurnakan dengan adanya satu salinan petisyen selain daripada salinan asal petisyen yang ditinggalkan di pejabat pendaftar tersebut (lihat ms 496G–H).

(8) Salinan petisyen yang ditampalkan di papan notis Mahkamah Tinggi adalah merupakan salah satu daripada salinan-salinan petisyen yang telah diambil dan dikeluarkan oleh pempetisyen daripada pejabat pendaftar bagi tujuan pelaksanaan proses penyampaian petisyen pilihanraya di bawah k 15. Oleh yang demikian, ia telah tidak ditinggalkan bersama-sama salinan asal petisyen seperti yang dikehendaki. Menampal salinan petisyen di papan notos Mahkamah Tinggi tidak membawa makna ia ditinggalkan bersama-sama petisyen tersebut seperti yang dimaksudkan oleh k 3(2) (lihat ms 497H–498A).

(9) Tidak ada dalam petisyen pempetisyen menyatakan bahawa alasan-alasan yang pempetisyen bergantung untuk membatalkan pilihanraya tersebut adalah di atas peruntukan ss 32(a) atau (c) Akta tersebut. Peninggalan ini adalah memudaratkan kepada petisyen pilihanraya pempetisyen kerana sesuatu petisyen itu hendaklah dikemukakan berlandaskan di atas salah satu daripada lima alasan di bawah s 32 Akta tersebut. Responden pertama perlu mengetahui dengan jelas dan tepat di atas alasan-alasan mana pempetisyen bergantung untuk mengisytiharkan pilihanraya tersebut batal. Mahkamah memutuskan bahawa petisyen ini adalah tidak mengikuti kehendak peruntukan k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut (lihat ms 499E–G, 500D–E).

[English summary

The petitioner presented an election petition under s 34(a) of the Election Offences Act 1954 ('the Act'). The first respondent was a candidate who had been elected in the general elections on 29 November 1999. The second respondent was the election managing officer ('the managing officer'). The third respondent was the Election Commission of Malaysia ('the Commission'). The second and third respondents raised the preliminary objection that they should not have been made respondents in this election petition. The first respondent raised the following preliminary objections: (i) there was non-compliance of r 3(2) of the Election Petition Rules 1954 ('the rules') in that only two copies of the petition were lodged by the petitioner at the office of the registrar of the High Court whilst

A r 3(2) requires three copies of a petition; and (ii) there was non-compliance of r 4(1)(b) of the rules in that the petitioner in his petition had failed to specifically cite the provision of the Act upon which he relied to declare the election void.

B **Held**, revoking the election petition:

(1) A person's right to file an election petition originates from a specific statute relating to elections. Hence only procedures and limitations found in that statute apply and must be strictly complied with. From the provisions on election law, it is clear that only the elected candidate can be named as the respondent in an C election petition. There is no implied provision in the law governing elections that provides that the Commissioner or the managing officer can be made parties in an election petition (see p 488H–I).

(2) From the aspects of relief and remedy that can be ordered by the D court as stated under s 35 of the Act, such order can only be made against the elected candidate. Hence there was no jurisdiction to make the Commission and the managing officer parties in an election petition where no relief was claimed from them (see pp 489I–490A).

E (3) Rule 15 read with r 10 of the Rules indicates that the respondent can only consist of a person who had been elected in the election and not the Commission nor the managing officer. Rules 10 and 15 clearly prescribe the time and mode of service of notice upon the lodgement of a petition together with a copy of the petition on a particular person, ie the candidate who had been F elected. As the person to whom service should be made does not include the Commission and the managing officer, therefore the provisions of the rules must be complied with and given effect to (see p 490F–H).

(4) Based on the provision of s 36 of the Act, in the event the court is G required to prepare an acknowledgement and direct it to the Commission, it would describe a situation that the Commission was not intended by law to be made a party in any petition (see p 491C).

(5) Since the Commission is an independent body established by the Federal Constitution and its function is to merely hold an H election, it would be unreasonable to compel the Commission to defend itself in the action taken. This would threaten the independent status accorded to the Commission. Parliament intended for the Commission to be independent and not be made a party in an election petition. Furthermore, the Commission and managing officer did not have any interest in the election petition. I No relief was claimed against them and their duty subsequently was to comply with any provision issued by the election judge (see p 492A–E).

(6) The provision of r 3(2) of the Rules is mandatory in nature and not directory. The language employed in promulgating the provision of r 3(2) is a language that is clear and easy to understand. Hence there was no confusion on the meaning of the rule's provision. The statutory requirements of an election petition must be strictly and fully complied with because a dispute on election is a statutory proceeding that is special as well as exclusive and that which is foreign to common law or equity (see p 496A–C).

(7) The provisions of r 3(1) and (2) when read together provide that all three copies of the petition including the original must be lodged at the court registry office. Hence there was no other recourse and the petitioner should comply although service of a notice of petition and a copy of the petition under the second part of r 15 of the Rules on the first respondent could be executed when there is still a copy of the petition apart from the original lodged at the court registry office (see p 496G–H).

(8) The copy of the petition affixed to the High Court notice board was one of the copies of the petition that had been taken and issued by the petitioner from the registry's office for the purpose of exercising the process of service of an election petition under r 15. Therefore, it had not been lodged together with the original copy of the petition as required. Affixing a copy of the petition to the notice board of the High Court did not mean it was lodged together with the petition within the meaning of r 3(2) (see pp 497H–498A).

(9) It was nowhere stated in the petitioner's petition that the grounds upon which he relied to nullify the election were based on the provision of s 32(a) or (c) of the Act. This omission was fatal to the petitioner's election petition because a petition should be adduced on the basis of one of the five grounds under s 32 of the Act. The first respondent needed to know clearly and accurately which of the grounds the petitioner was relying upon to declare the election void. The court held that this petition did not comply with the requirements of the provision of r 4(1)(b) of the Rules (see pp 499E–G, 500D–E).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai permohonan untuk deklarasi bahawa pilihanraya adalah batal dan tidak sah, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1532.

Kes-kes yang dirujuk

Ali Amberan v Tunku Abdullah [1970] 2 MLJ 15 (dirujuk)

Dr Lee Chong Meng v Abdul Rahman bin Haji Abdullah, Returning Officer & Ors (No 2) [2000] 3 MLJ 219 (dirujuk)

Hock Hua Bank Bhd v Leong Yew Chin [1987] 1 MLJ 230 (dirujuk)

A *Hugh Siak Meng & Anor v Daing Ibrahim* [1975] 4 MLJ 275 (dirujuk)
Muip Bin Tabib v Dato James Wong [1971] 1 MLJ 246 (dirujuk)
Norbert Choong Kai Chong & Anor v Mohamed Idris bin Haji Ibrahim & Anor [1980] 1 MLJ 316 (dirujuk)
Satya Narain v Dhuja Ram & Ors AIR 1974 SC 1185 (dirujuk)
Tengku Korish v Mohamed bin Jusoh & Anor [1970] 1 MLJ 6 (dirujuk)
B *Tong Swee King v Pegang Mining Co Ltd & Ors* [1967] 2 MLJ 214 (dirujuk)
Vandervell Trustees Ltd v White and Ors [1971] AC 912 (dirujuk)

C **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 ss 31, 32(a), (c), 33(3), 34(a), 35, 36, 37(2), Bahagian VI
Akta Pilihanraya 1958
Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957
Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 kk 3(1), (2), 4(1)(b), 10,
D 15, 26, 28, 29
Peraturan Peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pengundi-Pengundi) 1971
Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981
Perlembagaan Persekutuan perkara-perkara 113, 118

E *Mohd Apandi bin Ali* (*Mohd Alias bin Mohd Nor* bersama beliau) (*Apandi Ali & Co*) bagi pihak pempetisyen.

Sulaiman bin Abdullah (*Zamani bin Ibrahim* dan *Mahzom bte Idris* bersama beliau) (*Zamani Ibrahim Tarmizan & Co*) bagi pihak responden pertama.

F *Asmabi bte Mohamad* (Peguam Kanan Persekutuan (*Shaliza*, Peguam Persekutuan bersama beliau) bagi pihak responden-responden kedua dan ketiga.

Zulkefli H: Pempetisyen Mohamad Hanafi bin Seman adalah seorang pengundi yang telah mengundi di dalam pilihanraya umum pada 29 November 1999 di kawasan Dewan Undangan Negeri Kelantan, N11
G Tendong dan adalah seorang yang layak untuk mengemukakan petisyen ini di bawah s 34(a) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 ('Akta tersebut'). Responden-responden adalah Wan Othman bin Wan Yusoff ('responden pertama') iaitu calon yang telah dilaporpilih dalam pilihanraya tersebut, Pegawai Pengurus Pilihanraya ('responden kedua') dan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia ('responden ketiga').

H Pada 25 April 2000 di atas suatu notis yang diberi terlebih dahulu oleh peguam bagi pihak responden kedua dan responden ketiga kepada pempetisyen bahawa mereka akan mengemukakan satu isu bantahan awal iaitu bahawa responden kedua dan responden ketiga tidak sepatutnya dijadikan responden-responden dalam petisyen pilihanraya ini, saya telah
I memutuskan setelah mendengar hujah peguam-peguam dari semua pihak untuk membenarkan isu bantahan awal tersebut. Saya dengan itu telah membuat perintah membatalkan dan mengeluarkan responden kedua dan

responden ketiga daripada dijadikan pihak-pihak dalam petisyen ini. Berikut adalah alasan-alasan saya dalam mencapai keputusan tersebut: A

Persoalan yang timbul sekarang adalah sama ada Suruhanjaya Pilihanraya ('Suruhanjaya') dan Pegawai Pengurus Pilihanraya ('Pegawai Pengurus') wajar dan perlu dijadikan pihak di dalam suatu Petisyen Pilihanraya. Pendekatan yang perlu diambil terhadap undang-undang pilihanraya telah dengan jelas dinyatakan oleh Raja Azlan Shah H di dalam kes *Tengku Korish v Mohamed bin Jusoh & Anor* [1970] 1 MLJ 6 di ms 6 seperti berikut: B

> It is well recognized that I must not go outside the province of the election law. The Election Offences Act 1954 confers certain rights and provides a remedy for enforcing those rights. Where that is the case, the remedy provided by that statute only must be availed of. Wills J stated this rule with great clarity in *Wolverhampton New Waterworks Co v Hawkesford* in the following passage: C
>
> > 'These are three classes of cases in which a liability may be established founded upon a statute. One is, where there was a liability existing at common law, and that liability is affirmed by a statute which gives a special and peculiar form of remedy different from the remedy which existed at common law: there, unless the statute contains words which expressly or by necessary implication exclude the common law remedy, and the party suing has his election to pursue either that or the statutory remedy. The second class of cases is, where the statute gives the right to sue merely, but provides no particular form of remedy, there the party can only proceed by action at common law. But there is a third class, viz .., where a liability not existing at common law is created by a statute which at the same time gives a special and particular remedy for enforcing it. The remedy provided by the statute must be followed, and it is not competent to the party to pursue the course applicable to cases of the second class. The form given by the statute must be adopted and adhered to.' D E
>
> The present cases falls within the latter class. F
>
> The rule cited in this passage was approved by the House of Lords in *Neville v London Express Newspaper Ltd* and has been reaffirmed by the Privy Council in *Attorney General of Trinidad and Tobago v Gordon Grant & Co* [1935] AC 532:
>
> > 'What "right" does the Election Offences Act 1954 confer, using the word "right" in its broad sense? In my judgment, the right conferred by that Act is a special kind of right unknown to the common law or equity, and the court which administers it possesses a special kind of jurisdiction (see *Theberge v Laudry, Goonesinha v Hon CI de Kretser* or what is said in *Arzu v Arthur* as peculiar jurisdiction). It is not a civil right but a creature of statute or special law and must be subject to the limitations imposed by it (see *Ponnuswami v Returning Officer, Nammakkal; Constituency & Ors*).' G H

Daripada prinsip yang digariskan di atas jelas bahawa hak seseorang untuk memfailkan suatu petisyen pilihanraya wujudnya daripada statut khusus berkaitan dengan pilihanraya. Oleh itu hanya prosedur dan limitasi yang terdapat dalam statut khusus tersebut terpakai dan hendaklah dipatuhi dengan ketat (lihat kes *Hugh Siak Meng & Anor v Daing Ibrahim* [1975] 4 MLJ 275). I

A Saya berpendapat bahawa petisyen pilihanraya adalah semata-mata merupakan cara untuk mencabar pemilihan seseorang yang telah dilaporpilih ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri berdasarkan perkara 118 Perlembagaan Persekutuan. Dalam realiti sebenarnya di dalam sesuatu petisyen pilihanraya pertikaiannya adalah di antara calon yang kalah dan calon yang dilaporpilih. Remedinya ialah untuk membatalkan sesuatu
B pilihanraya. Untuk tujuan ini undang-undang yang terpakai adalah undang-undang khusus berkaitan dengan pilihanraya yang mana antaranya adalah Akta Pilihanraya 1958, Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954, Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981 dan
C Peraturan Peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pengundi-Pengundi) 1971. Adalah pandangan saya dengan merujuk kepada peruntukan yang menggariskan mengenai relief-relief yang boleh diperintahkan oleh Mahkamah di akhir petisyen pilihanraya sedikit sebanyak dapat memberi bayangan akan siapakah yang dihasratkan oleh undang-undang untuk dijadikan responden. Seksyen 35 Akta tersebut memperuntukkan empat
D relief yang boleh dituntut oleh pempetisyen melalui petisyen pilihanraya. Relief-relief tersebut adalah:

(a) suatu perisytiharan bahawa pilihanraya itu adalah tidak sah;

(b) suatu perisytiharan bahawa orang itu telah tidak dipilih dengan sempurna atau sepatutnya telah tidak dilaporpilih;

E (c) suatu perisytiharan bahawa seseorang calon telah dipilih dengan sempurna dan sepatutnya telah dilaporpilih; dan

(d) jika kerusi itu dituntut untuk seseorang calon yang tidak berjaya atas alasan bahawa calon itu telah mendapat undi yang terbanyak dan yang sah di sisi undang-undang, suatu tafahus.

F Berhubung dengan pengertian maksud 'relief' di dalam kes *Hock Hua Bank Bhd v Leong Yew Chin* [1987] 1 MLJ 230, Syed Agil Barakbah HMA menyatakan di ms 236 seperti berikut:

> Relief means a remedy sought by a plaintiff in an action. A cause of action is simply a factual situation the existence of which entitles a plaintiff to obtain
G from the court a remedy against the defendant. (See Diplock LJ in *Letang v Cooper* [1965] 1 QB 232.)

Di dalam kes *Vandervell Trustees Ltd v White and Ors* [1971] AC 912 pula Lord Diplock telah memperkatakan antara lain seorang yang boleh dijadikan sebagai pihak dalam sesuatu tindakan di ms 944 seperti berikut:

H

> A party to an action must be a person who claims in that action some reliefs against another party to the action or against whom some relief is claimed by another party to the action. There is, in my view, no jurisdiction to add as a party an existing action a person by and against whom no relief which the court has jurisdiction to grant can be claimed.

I Dari aspek relief dan remedi yang boleh diperintahkan oleh mahkamah seperti yang dinyatakan di bawah s 35 Akta tersebut nampaknya ianya hanya boleh diperintahkan terhadap calon yang dilaporpilih. Oleh itu tidak

terdapat bidang kuasa untuk menjadikan Suruhanjaya dan Pegawai Pengurus sebagai pihak-pihak dalam suatu petisyen pilihanraya di mana tiada relief dituntut daripada mereka. A

Adalah diperhatikan bahawa undang-undang berkaitan dengan pilihanraya tidak memperuntukkan secara jelas tentang siapakah yang wajar dijadikan responden di dalam suatu petisyen pilihanraya. Oleh itu kita perlu meneliti peruntukan undang-undang sedia ada bagi melihat siapakah yang sebenarnya dihasratkan oleh undang-undang untuk dijadikan responden di dalam sesuatu petisyen pilihanraya. Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 ('kaedah-kaedah tersebut') menyatakan bahawa seseorang yang dilaporpilih boleh pada bila-bila masa selepas ianya dilaporpilih meninggalkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi suatu tulisan yang ditandatangani olehnya melantik seorang peguambela untuk bertindak bagi pihaknya sekiranya ada sesuatu petisyen terhadapnya atau menyatakan dia bercadang untuk bertindak sendiri dan memberi alamat di mana notis yang dialamatkan kepadanya boleh ditinggalkan. Kaedah 15 kaedah-kaedah tersebut pula memperuntukkan mengenai tempoh dan cara penyampaian notis mengenai pengemukaan sesuatu petisyen dan salinan petisyen ke atas responden iaitu hendaklah disampaikan dalam tempoh 15 hari selepas petisyen itu dikemukakan dengan: B C D

(a) menyerahkannya ke atas peguambela yang dilantik oleh responden di bawah k 10 kaedah-kaedah tersebut; atau

(b) Jika peguambela tidak dilantik: dengan menyiarkan dalam warta atau dalam sesuatu akhbar yang diedarkan dalam bahagian pilihanraya di mana pilihanraya itu telah diadakan; atau menampalkan pada papan notis Mahkamah Tinggi di Negeri di mana bahagian atau kawasan pilihanraya itu terletak dengan menyatakan bahawa petisyen telah dikemukakan dan suatu salinan boleh didapati atas permohonan kepada Pendaftar di Pejabat Pendaftar. E F

Saya berpendapat k 15 dibaca bersama k 10 kaedah-kaedah tersebut menunjukkan bahawa responden hanya boleh terdiri darlpada seorang calon yang telah dilaporpilih di dalam pilihanraya dan bukan Suruhanjaya atau Pegawai Pengurus. Saya mendapati bahawa kk 10 dan 15 tersebut telah menetapkan secara nyata masa dan cara penyampaian notis mengenai pengemukaan sesuatu petisyen disertai dengan suatu salinan petisyen tersebut ke atas seorang yang tertentu iaitu calon yang telah dilaporpilih. Oleh kerana ke atas siapa penyampaian perlu dilakukan tidak termasuk Suruhanjaya dan Pegawai Pengurus maka peruntukan kaedah-kaedah tersebut mesti dipatuhi dan diberi kesan efeknya. G H

Selanjutnya, s 36 Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Pada akhir perbicaraan sesuatu petisyen pilihanraya, Hakim Pilihanraya hendaklah memutuskan sama ada calon yang pengaduan telah dibuat terhadap laporpilihan atau pemilihannya itu, atau mana-mana orang lain dan siapakah orangnya, telah dilaporpilih atau dipilih dengan sempurna, atau samada pemilihan itu telah tidak sah, dan hendaklah membuat perakuan mengenai keputusan itu — I

A (a) kepada Suruhanjaya Pilihanraya, mengenai pemilihan seseorang sebagai ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan, majlis perbandaran ibu kota persekutuan atau mengenai apa-apa pemilihan lain yang Suruhanjaya Pilihanraya mungkin diberi kuasa menjalankannya; atau

(b) mengenai apa-apa pemilihan lain, kepada Pihak Berkuasa Negeri, apabila diberi perakuan itu maka keputusan itu adalah muktamad; dan
B laporpilihan itu hendaklah disahkan atau diubah, atau Suruhanjaya Pilihanraya atau Pihak Berkuasa Negeri (mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dalam tempoh satu bulan dari keputusan itu memberi notis pilihanraya dalam bahagian pilihanraya atau kawasan pilihanraya yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut perakuan itu.

C Adalah pendapat saya berasaskan peruntukan s 36 Akta tersebut seperti di atas sekiranya mahkamah dikehendaki untuk menyediakan suatu perakuan dan mengarahkannya kepada Suruhanjaya ia menggambarkan suatu situasi bahawa Suruhanjaya tidak dihasratkan oleh undang-undang untuk dijadikan pihak dalam sesuatu petisyen pilihanraya. Jika sebaliknya
D dihasratkan tentulah Parlimen tidak akan memerlukan supaya perakuan diarahkan kepada Suruhanjaya sebab sebagai pihak kepada petisyen berkenaan Suruhanjaya akan tahu keputusan yang dibuat dan akan terikat dengannya.

Fakta bahawa Suruhanjaya dan Pegawai Pengurus sepatutnya tidak
E dijadikan pihak di dalam petisyen pilihanraya tidaklah bermakna Suruhanjaya dan Pegawai Pengurus tidak akan bertanggungjawab bagi tingkah laku mereka. Mereka boleh dipanggil untuk memberi keterangan dalam perbicaraan petisyen pilihanraya sebagaimana diperuntukkan di bawah s 33(3) Akta tersebut di mana mahkamah mempunyai kuasa untuk memanggil seseorang dan memeriksanya dan saksi-saksi boleh
F diperiksa balas oleh pempetisyen dan responden. Selain daripada itu, pihak responden juga boleh memanggil pegawai-pegawai Suruhanjaya sebagai saksi-saksi mereka. Daripada bacaan s 33(3) Akta tersebut adalah pandangan saya bahawa Hakim pilihanraya boleh menjalankan satu fungsi 'inquisitorial' di dalam pengendalian perbicaraan petisyen pilihanraya. Melalui peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang pilihanraya
G seperti yang telah dihuraikan di atas, adalah jelas bahawa hanya calon yang telah dilaporpilih boleh dinamakan sebagai responden dalam sesuatu petisyen pilihanraya. Tiada peruntukan tersirat di dalam undang-undang pilihanraya yang memperuntukkan bahawa Suruhanjaya atau Pegawai Pengurus boleh dijadikan pihak di dalam sesuatu petisyen pilihanraya.

H Adalah pendapat saya bahawa di bawah peruntukan perkara 113 Perlembagaan Persekutuan Suruhanjaya telah ditugaskan dengan tanggungjawab menguruskan pilihanraya dan sememangnya ia mempunyai sikap berkecuali terhadap keputusan pilihanraya itu. Demikian juga dengan Pegawai Pengurus. Seseorang hanya boleh dijadikan pihak di dalam suatu tindakan jika ianya mempunyai kepentingan undang-undang ('legal
I lnterest') di dalam hal perkara tindakan dan bukan hanya satu kepentingan komersial ('commercial interest') (lihat kes *Tong Swee King v Pegang Mining Co Ltd & Ors* [1967] 2 MLJ 214). Oleh kerana Suruhanjaya adalah satu

badan yang bebas yang diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan fungsinya hanyalah untuk mengendalikan pilihanraya adalah tidak wajar untuk memaksa Suruhanjaya untuk membela dirinya bagi tindakan yang telah diambil. Ini akan menggugat status bebas yang diberikan kepada Suruhanjaya tersebut. Berasaskan kepada ini adalah pendapat saya bahawa Parlimen berhasrat supaya Suruhanjaya iaitu satu badan yang bebas kekal bebas dan tidak dijadikan pihak dalam petisyen pilihanraya.

Seksyen 37(2) Akta tersebut menyatakan seseorang yang tidak menjadi pihak di dalam petisyen pilihanraya yang mana terhadapnya telah dibuktikan di dalam perbicaraan itu telah bersalah atas apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang hendaklah diberi peluang untuk didengar dan untuk memberi dan memanggil keterangan bagi menunjukkan mengapa dia tidak patut dilaporkan. Ini membayangkan situasi di mana Pegawai Pengurus atau pengkhidmat Suruhanjaya boleh didapati bersalah dalam perbicaraan petisyen pilihanraya di atas alasan perbuatan rasuah atau perbuatan menyalahi undang-undang walaupun mereka tidak dinamakan sebagai pihak. Kelakuannya sedemikian boleh diperiksa oleh Mahkamah yang menjalankan fungsi 'inquisitorial'. Oleh itu tidaklah menjadi satu keperluan bagi pihak yang berkenaan dijadikan pihak di dalam petisyen pilihanraya. Suruhanjaya dan Pegawai Pengurus yang merupakan badan yang bebas yang mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengendalikan pilihanraya tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam petisyen pilihanraya itu. Tiada relief diminta terhadap mereka dan tugas mereka selanjutnya adalah untuk mematuhi apa-apa peruntukan yang dikeluarkan oleh hakim pilihanraya.

Berasaskan alasan-alasan yang telah saya huraikan seperti di atas saya memutuskan bahawa Suruhanjaya dan Pegawai Pengurus tidak sewajarnya dijadikan pihak dalam petisyen pilihanraya ini.

Setelah memutuskan membatalkan dan mengeluarkan responden kedua dan responden ketiga daripada dijadikan pihak-pihak dalam petisyen ini peguam responden pertama Tuan Haji Sulaiman Abdullah juga telah memohon untuk membangkitkan bantahan awal terhadap petisyen ini di atas dua isu yang dapat saya rumuskan seperti berikut:

Pertama, terdapat ketidakpatuhan oleh pempetisyen dalam cara petisyen ini dikemukakan oleh pempetisyen. Peguam responden pertama menyatakan bahawa beliau telah membuat semakan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kota Bharu di mana petisyen ini telah dikemukakan dan mendapati hanya terdapat dua salinan petisyen sahaja yang telah ditinggalkan oleh pempetisyen di Pejabat Pendaftar tersebut. Dua salinan petisyen tersebut adalah satu salinan pertama atau salinan asal dan satu lagi salinan petisyen tersebut. Peguam responden pertama berhujah dengan menyatakan mengikut peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut perlu terdapat selain daripada satu salinan asal atau salinan pertama petisyen yang dikemukakan mengikut k 3(1) kaedah-kaedah tersebut dua salinan petisyen yang lain yang ditinggalkan bersama salinan asal petisyen tersebut. Ini bermakna mesti terdapat dan berada di dalam fail petisyen ini di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kota Bharu tiga salinan petisyen yang

A ditinggalkan oleh pempetisyen. Kaedah 3(2) kaedah-kaedah tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> There shall also be left with the petition two copies thereof.

Tuan Haji Sulaiman, peguam responden pertama seterusnya berhujah melainkan dibukti sebaliknya akan fakta-fakta yang dinyatakan olehnya,
B atas alasan ketidakpatuhan terhadap k 3(2) kaedah-kaedah tersebut yang bersifat mandatori ini sahaja pihak responden pertama berhak memohon petisyen ini dibatalkan. Kedua, terdapat ketidakpatuhan terhadap peruntukan k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

C
> An election petition shall contain the following statements:
>
> (a) ...
>
> (b) it shall state the holding and result of the election, and shall briefly state the facts and grounds relied on to sustain the prayer.

Dalam hal perkara ini telah dihujahkan bagi pihak responden pertama
D bahawa fakta-fakta dakwaan dan alasan-alasan di mana pihak pempetisyen bergantung untuk menyokong petisyennya terhadap responden pertama adalah tidak jelas, tidak spesifik, dibuat secara am dan agak hambar. Bagi pihak responden pertama juga telah dihujahkan bahawa pempetisyen dalam petisyennya telah gagal secara spesifik menyebut peruntukan Akta tersebut di mana pempetisyen bergantung untuk mengisytiharkan pilihanraya
E tersebut dibatalkan. Di atas kegagalan pihak pempetisyen mematuhi kehendak peruntukan k 4(1)(b) yang bersifat mandatori ini peguam responden pertama menyatakan ianya adalah memudaratkan sesuatu petisyen pilihanraya dan petisyen ini hendaklah dibatalkan.

Sebelum membincangkan dan menghalusi dua isu bantahan awal yang
F dibangkitkan bagi pihak responden pertama ini saya tidak lupa untuk mengingatkan diri saya persoalan sama ada isu-isu bantahan awal yang dibuat secara lisan tanpa melalui suatu permohonan yang dibuat secara formal boleh dipertimbangkan di peringkat permulaan perbicaraan petisyen ini. Dalam hal ini adalah pandangan saya oleh kerana isu-isu bantahan awal ini merupakan isu undang-undang ianya adalah wajar diputuskan terlebih
G dahulu sebelum perbicaraan sebenar petisyen ini dijalankan. Malahan saya berpendapat jika tiada notis awal terlebih dahulu diberi oleh responden pertama untuk membangkitkan hal perkara ini saya masih akan membenarkannya dikemukakan untuk diputuskan sebagai isu-isu awalan. Saya berpegang kepada pendapat ini berasaskan kes *Norbert Choong Kai Chong & Anor v Mohamed Idris bin Haji Ibrahim & Anor* [1980] 1 MLJ 316
H di mana Harun H telah menyatakan antara lain berhubung dengan keperluan memberi notis awalan sebelum membangkitkan sesuatu isu bantahan awal di ms 316 seperti berikut:

> In my view the point taken is irrelevant on the ground that objections to an election petition are issues of law which should be disposed of as preliminary
I issues for which no notice is required.

Sekarang saya akan mengkaji, membincang dan memutuskan berkenaan dengan isu bantahan awal pertama yang dibangkitkan oleh pihak responden

pertama iaitu sama ada terdapat ketidakpatuhan terhadap kehendak peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut oleh pempetisyen semasa mengemukakan petisyennya di mahkamah ini. Terlebih dahulu atas isu ini saya sendiri telah membuat penyemakan di dalam fail petisyen yang dibuka oleh mahkamah yang mengandungi semua kertas-kertas petisyen pilihanraya tersebut dan mengesahkan bahawa memang betul hanya terdapat dua salinan petisyen tersebut di dalam fail mahkamah. Dua salinan petisyen tersebut adalah satu salinan pertama atau salinan asal dan satu lagi salinan petisyen tersebut yang lain. Saya juga telah mendapatkan kepastian kedudukan hal perkara ini daripada Timbalan Pendaftar Mahkamah ini dan beliau mengesahkan akan fakta bahawa hanya terdapat dua salinan petisyen termasuk salinan pertama atau salinan asal petisyen yang telah ditinggalkan di mahkamah ini oleh pempetisyen.

Tuan Haji Mohd Apandi Ali, peguam pempetisyen dalam hujahnya berkenaan dengan isu bantahan awal pertama ini menyatakan antara lain bahawa mengikut peringatannya terdapat tidak kurang daripada lima salinan petisyen pilihanraya telah difailkan oleh pihaknya di Pejabat Pendaftar Mahkamah ini semasa mengemukakan petisyen pilihanraya ini. Walau bagaimanapun beliau tidak dapat menyatakan bahawa pihak pempetisyen telah meninggalkan dua salinan petisyen yang lain bersama-sama dengan salinan pertama atau salinan asal petisyen mengikut kehendak k 3(2) kaedah-kaedah tersebut. Peguam pempetisyen menyatakan dari segi implikasi seandainya terdapat kekurangan dari segi bilangan salinan petisyen yang didapati dan ditinggalkan di Pejabat Pendaftar di mahkamah ini ianya tidak harus sampai menyebabkan pembatalan petisyen ini. Adalah dihujahkan bagi pihak pempetisyen sama ada penggunaan perkataan 'shall' dalam k 3(2) kaedah-kaedah tersebut membawa maksud suatu kehendak mandatori atau 'directory' ianya bergantung kepada skop dan tujuan sesuatu peruntukan itu diwujudkan dalam undang-undang yang berkenaan. Dalam hal ini peguam pempetisyen menyatakan bahawa peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut seharusnya dibaca bersama dengan peruntukan k 15 kaedah-kaedah tersebut yang menyentuh tentang proses penyampaian notis mengenai pengemukaan sesuatu petisyen pilihanraya dengan satu salinan petisyen tersebut kepada responden. Peruntukan k 15 kaedah-kaedah tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Notice of petition and copy of petition to be served on respondent. Notice of the presentation of a petition, accompanied by a copy thereof, shall, within fifteen days of the presentation of the petition, be served by the petitioner on the respondent. Such service may be effected either by delivering the notice and copy aforesaid to the advocate appointed by the respondent under r 10 or by posting the same in a registered letter to the address given under r 10 at such time that, in the ordinary course of post, the letter would be delivered within the time above mention, or if no advocate has been appointed, or no such address given, by a notice published in the Gazette or in a newspaper circulating within the constituency or electoral ward in which the election was held, or posted on the notice board of the High Court in the State in which that constituency or electoral ward is situated, stating that such petition has been presented, and that a copy of the same may be obtained by the respondent on application at the office of the Registrar.

Adalah hujah peguam pempetisyen bahawa tujuan kenapa peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut diadakan ialah untuk membolehkan peruntukan bahagian kedua proses penyampaian petisyen seperti dalam k 15 kaedah-kaedah tersebut dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana terdapat penggunaan perkataan-perkataan dalam bahagian kedua k 15 tersebut seperti berikut:

> ... that a copy of the same may be obtained by the respondent on application at the office of the Registrar.

Peguam pempetisyen seterusnya menyatakan tidak dipertikai bahawa pempetisyen dalam kes sekarang ini telah memilih untuk melaksanakan proses penyampaian petisyen pilihanraya tersebut melalui kaedah seperti dalam bahagian kedua k 15 tersebut iaitu dengan memberi suatu notis yang ditampal di Papan Notis di Mahkamah Tinggi Kota Bharu dengan menyatakan bahawa suatu petisyen telah dikemukakan dan satu salinan petisyen tersebut boleh diperolehi oleh responden melalui permohonan di Pejabat Pendaftar. Dalam kes ini peguam pempetisyen menyatakan ianya tidak memprejudiskan responden pertama seandainya tidak terdapat dua salinan petisyen yang lain yang ditinggalkan di Pejabat Pendaftar oleh pempetisyen. Ini adalah kerana masih terdapat satu lagi salinan petisyen yang ditinggalkan di Pejabat Pendaftar selain daripada salinan asal atau salinan pertama petisyen yang dikemukakan di bawah k 3(1) kaedah-kaedah tersebut bagi maksud memenuhi kehendak perlaksanaan proses penyampaian notis petisyen di bawah bahagian kedua k 15 kaedah-kaedah tersebut. Atas alasan ini peguam pempetisyen berhujah bahawa penggunaan perkataan 'shall' dalam k 3(2) kaedah-kaedah tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai 'directory' sahaja.

Peguam pempetisyen juga telah cuba menarik perhatian mahkamah ini bahawa sekiranya tiga salinan petisyen kesemuanya patut berada di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi tersebut termasuk salinan asal atau salinan pertama petisyen bagi maksud pengemukaan sesuatu petisyen pilihanraya maka beliau berhujah bahawa sebenarnya terdapat tiga salinan petisyen telah dikemukakan dan difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah. Ini adalah kerana terdapat satu salinan petisyen yang telah disertakan bersama-sama Notis petisyen yang diberi dan yang telah ditampalkan di papan notis Mahkamah Tinggi apabila pempetisyen melaksanakan proses penyampaian notis petisyen pilihanraya tersebut ke atas responden pertama. Adalah hujah peguam pempetisyen bahawa papan notis Mahkamah Tinggi tersebut adalah merupakan sebahagian daripada Pejabat Pendaftar. Dengan yang demikian di dalam perkarangan Pejabat Pendaftar tersebut telah terdapat tiga salinan petisyen yang dikehendaki di bawah k 3 kaedah-kaedah tersebut.

Setelah mendengar hujah-hujah peguam pempetisyen dan peguam responden pertama dan setelah mengkaji peruntukan undang-undang yang berkenaan, saya memutuskan untuk membenarkan bantahan awal pihak responden pertama atas alasan bahawa terdapat ketidakpatuhan terhadap kehendak peruntukan k 3 kaedah-kaedah tersebut dalam cara penyampaian suatu petisyen pilihanraya. Saya berpendapat dalam sesuatu petisyen

pilihanraya yang dikemukakan oleh seseorang pempetisyen mestilah terdapat satu salinan asal atau salinan pertama petisyen tersebut bersama-sama dengan dua salinan petisyen yang lain yang dikemukakan dan ditinggalkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi. Adalah pendapat saya peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut adalah bersifat mandatori dan bukannya 'directory'. Saya mendapati bahasa yang dipakai dalam penggubalan peruntukan k 3(2) adalah suatu bahasa yang jelas dan mudah difaham. Oleh itu tidak timbul apa-apa kekeliruan tentang maksud peruntukan kaedah tersebut. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kehendak statutori sesuatu petisyen pilihanraya hendaklah dipatuhi dengan ketat dan sepenuhnya kerana pertikaian pilihanraya adalah suatu prosiding statutori yang khas serta khusus dan yang asing kepada undang-undang Common Law ataupun ekuiti. Hakim Goswani dalam kes *Satya Narain v Dhuja Ram & Ors* AIR 1974 SC 1185 di ms 1190 menyatakan antara lain berhubung dengan hak untuk mempertikaikan sesuatu pilihanraya seperti berikut:

> ... is a special right conferred under a self-contained special law and the court will have to seek answer to the questions raised within the four corners of the Act and the powers of the court are circumscribed by the provisions. It is not a common law right and an election petition cannot be equated with a plaint in a civil suit.

Saya tidak menolak hujah peguam pempetisyen bahawa pentafsiran ke atas sesuatu peruntukan undang-undang itu hendaklah dirujuk kepada skop dan tujuan sesuatu peruntukan undang-undang itu diwujudkan. Walau bagaimanapun dalam konteks kes petisyen di hadapan saya sekarang saya tidak dapat menerima hujah peguam pempetisyen bahawa petisyen pilihanraya yang dikemukakan adalah teratur dengan alasan pempetisyen telahpun dapat memenuhi kehendak peruntukan bahagian kedua k 15 kaedah-kaedah tersebut berhubung dengan proses penyampaian suatu notis petisyen dan salinan petisyen terhadap responden pertama apabila masih terdapat satu salinan petisyen selain daripada salinan asal petisyen yang ditinggalkan oleh pempetisyen di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi. Ini adalah kerana peruntukan k 3 kaedah-kaedah tersebut itu adalah suatu peruntukan yang khusus dan tersendiri iaitu merupakan satu proses untuk memulakan suatu tindakan pengemukaan suatu petisyen pilihanraya di Mahkamah. Saya berpendapat peruntukan k 3(1) dan k 3(2) dibaca bersama memperuntukkan kesemuanya tiga salinan petisyen termasuk salinan asal perlu ditinggalkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah. Maka tidak ada cara lain dan ianya hendaklah dipatuhi oleh pempetisyen sungguhpun bagi maksud penyampaian pengemukaan suatu notis petisyen dan satu salinan petisyen di bawah bahagian kedua k 15 kaedah-kaedah tersebut ke atas responden pertama ianya dapat disempurnakan dengan masih adanya satu salinan petisyen selain daripada salinan asal petisyen yang ditinggalkan di Pejabat Pendaftar tersebut.

Satu persoalan mungkin perlu dijawab oleh mahkamah ini iaitu apakah tujuan dan perlunya ada dua salinan petisyen tambahan di bawah k 3(2) tersebut apabila dengan masih adanya satu salinan petisyen selain daripada salinan asal petisyen yang dikemukakan di bawah k 3(1) tersebut

pempetisyen masih boleh menyempurnakan proses penyampaian suatu petisyen pilihanrayanya di bawah bahagian kedua k 15 kaedah-kaedah tersebut ke atas responden pertama. Adalah pandangan saya jika perlu bagi mahkamah ini menterjemahkan maksud dan tujuan tersirat disebalik peruntukan k 3(2) ini saya bersetuju dengan hujah peguam responden pertama bahawa jika dirujuk secara keseluruhan peruntukan dalam kaedah-kaedah tersebut terdapat peruntukan-peruntukan dalam hal keadaan di mana seorang pempetisyen yang telah mengemukakan petisyen pilihanraya tersebut boleh digantikan dengan seorang pempetisyen yang lain dan seorang responden yang pada mulanya dinamakan sebagai responden juga boleh digantikan dengan seorang responden yang lain (sila rujuk peruntukan-peruntukan kk 26, 28 dan 29 kaedah-kaedah tersebut). Saya berpendapat dalam hal keadaan seperti yang diperuntukkan dalam peruntukan kk 26, 28 dan 29 kaedah-kaedah tersebut mana-mana pempetisyen atau responden pengganti yang masih tidak mempunyai kertas-kertas petisyen pilihanraya tersebut atau 'causepapers' boleh dengan adanya dua salinan petisyen yang diperuntukkan di bawah k 3(2) kaedah-kaedah tersebut mendapat satu salinan petisyen yang masih berada di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi tersebut.

Saya berpendapat mengikut kehendak peruntukan k 3(2) kaedah-kaedah tersebut dua salinan petisyen tambahan selain daripada salinan asal atau salinan pertama petisyen tersebut hendaklah dikemukakan bersama-sama semasa salinan asal petisyen tersebut dikemukakan. Adalah pandangan saya penggunaan perkataan 'thereof' menunjukkan dua salinan petisyen tambahan tersebut hendaklah dikemukakan pada masa suatu petisyen pilihanraya tersebut dikemukakan di Mahkamah. Saya juga berpendapat tanggungjawab bagi menentukan dua salinana petisyen tambahan tersebut berada dalam simpanan Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi bukanlah merupakan tanggungjawab pegawai Mahkamah. Saya mendapati dengan penggunaan perkataan-perkataan '... shall also be left ...' dalam k 3(2) tersebut menunjukkan bahawa ianya adalah tanggungjawab pempetisyen untuk menentukan dua salinan petisyen tambahan tersebut ditinggalkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah.

Berhubung dengan hujah peguam pempetisyen bahawa jika terdapat kekurangan satu lagi salinan petisyen yang sepatutnya ditinggalkan di mahkamah maka satu salinan petisyen yang telah ditampalkan di Papan Notis di Mahkamah Tinggi bersama-sama dengan satu notis pengemukaan petisyen pilihanraya semasa pempetisyen melaksanakan proses penyampaian petisyen di bawah k 15 kaedah-kaedah tersebut hendaklah diambilkira, saya tidak dapat menerima hujah ini. Saya menolak hujah peguam pempetisyen kerana apa yang dikehendaki oleh k 3(2) tersebut adalah dua salinan petisyen tersebut hendaklah ditinggalkan bersama-sama salinan asal petisyen yang difailkan semasa petisyen pilihanraya tersebut dikemukakan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi. Salinan petisyen yang ditampalkan di Papan Notis Mahkamah Tinggi adalah merupakan salah satu daripada salinan-salinan petisyen yang telah diambil dan dikeluarkan oleh pempetisyen daripada Pejabat Pendaftar tersebut bagi tujuan melaksanakan proses penyampaian petisyen pilihanraya di bawah

k 15 kaedah-kaedah tersebut. Oleh yang demikian ianya telah tidak ditinggalkan bersama-sama salinan asal petisyen seperti yang dikehendaki. Saya juga berpendapat menampalkan salinan petisyen tersebut di Papan Notis Mahkamah Tinggi tidak membawa makna ianya ditinggalkan bersama-sama petisyen tersebut seperti yang dimaksudkan oleh k 3(2) tersebut. Dalam hal perkara ini saya ingin merujuk kepada pendapat yang sama yang telah diberi oleh Augustine Paul H dalam satu keputusan kes petisyen pilihanraya yang telah dilaporkan iaitu *Dr Lee Chong Meng v Abdul Rahman bin Haji Abdullah, Returning Officer & Ors (No 2)* [2000] 3 MLJ 219 yang telah diputuskan oleh YA Hakim tersebut pada 11 Mei 2000 di mana di ms 239 penghakimannya dinyatakan seperti berikut:

> To argue that the copy of the petition posted on the High Court Notice Board on 17 February 2000 amounts to it being left with the petition is to torture the meaning of r 3(2). What r 3(2) requires is for the two copies to be left with the petition. This means that they must be left with the petition at the time it is presented, that is to say, on 10 February 2000. The copy posted on the Notice Board does not comply with the requirement of r 3(2) for two reasons. Firstly, it was taken out from the Registry and posted on the Notice Board on 17 February 2000. It was therefore not left with the petition as required. Secondly, posting it on the Notice Board does not amount to it being left with the petition as contemplated by r 3(2). I am therefore of the view that there has been no compliance with r 3(2).

Oleh yang demikian adalah pendapat saya bahawa kehendak untuk meninggalkan dua salinan petisyen seperti yang diperuntukkan di bawah k 3(2) kaedah-kaedah tersebut adalah suatu kehendak mandatori dan ketidakpatuhan terhadapnya akan mengakibatkan suatu pembatalan terhadap petisyen tersebut. Atas isu bantahan awal pertama yang dibangkitkan oleh pihak responden yang saya benarkan ini sahaja saya boleh membatalkan petisyen pilihanraya yang dikemukakan oleh pihak pempetisyen.

Mengenai isu bantahan awal kedua yang dibangkitkan oleh peguam responden pertama, setelah mendengar hujah-hujah peguam responden pertama dan peguam pempetisyen saya juga memutuskan untuk membenarkan bantahan awal ini atas alasan bahawa terdapat ketidakpatuhan oleh pihak pempetisyen terhadap kehendak peruntukan k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut dalam petisyen pilihanraya yang difailkan olehnya. Saya telah meneliti petisyen pilihanraya yang dikemukakan oleh pempetisyen dan mendapati bahawa ia langsung tidak ada menyatakan alasan-alasan petisyen tersebut bergantung untuk mengekalkan permohonannya atau 'grounds relied on to sustain the prayer' mengikut pengertian maksud k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut. Alasan-alasan yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah peruntukan spesifik yang diperuntukkan dalam Akta tersebut di mana pempetisyen bergantung untuk mengisytiharkan pilihanraya tersebut batal. Saya mendapati alasan-alasan untuk membolehkan sesuatu pilihanraya itu dibatalkan terkandung secara khusus dibawah Bahagian VI Akta tersebut iaitu peruntukan ss 31 dan 32 Akta tersebut. Berasaskan butiran-butiran fakta yang dinyatakan oleh pempetisyen di perenggan-perenggan 3 dan 4 petisyennya nyata dan

jelas bahawa dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap responden pertama adalah merujuk kepada amalan-amalan rasuah dan sogokan yang dikatakan telah dilakukan oleh responden pertama atau dengan keizinan responden pertama atau oleh ejennya. Oleh yang demikian berpandukan kepada alasan-alasan untuk membatalkan sesuatu pilihanraya seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian VI Akta tersebut dan merujuk kepada butiran-butiran fakta dakwaan yang dikemukakan oleh pempetisyen dalam petisyennya saya mendapati alasan-alasan yang boleh dikaitkan dan dikemukakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan s 32(a) dan s 32(c) Akta tersebut seperti berikut:

> The election of a candidate at any election shall be declared to be void on an election petition on any of the following grounds which may be proved to the satisfaction of the Election Judge:
>
> (a) that general bribery, general treating or general intimidation or other misconduct or other circumstances whether similar to those before enumerated or not have so extensively prevailed that they may be reasonably supposed to have affected the result of the election.
>
> (b) ...
>
> (c) that a corrupt practice or illegal practice was committed in connection with the election by the candidate or with his knowledge or consent, or by any agent of the candidate.
>
> (d) ...
>
> (e) ...

Dalam kes pempetisyen sekarang ini saya mendapati tidak ada dalam petisyen pempetisyen menyatakan bahawa alasan-alasan yang pempetisyen bergantung untuk membatalkan pilihanraya tersebut adalah di atas peruntukan s 32(a) atau s 32(c) Akta tersebut. Kegagalan atau peninggalan ini pada pendapat saya adalah memudaratkan kepada petisyen pilihanraya pempetisyen oleh kerana sesuatu petisyen itu hendaklah dikemukakan berlandaskan di atas salah satu daripada dua alasan di bawah s 31 dan salah satu daripada lima alasan di bawah s 32 Akta tersebut. Adalah pandangan saya bahawa responden pertama perlu mengetahui dengan jelas dan tepat di atas alasan-alasan mana pempetisyen bergantung untuk mengisytiharkan pilihanraya tersebut batal. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada kes *Norbert Choong Kai Chong & Anor v Mohamed Idris Bin Haji Ibrahim & Anor* di mana Harun H dalam penghakimannya di ms 317 antara lain menyatakan seperti berikut:

> Here nowhere in the petition is it stated that the ground relied on is s 32(b) of the said Act. This omission in my view is fatal to an election petition since such a petition may be presented on one of two grounds under s 31 and one of five main grounds under s 32 of the Election Offences Act and the respondents must know precisely on which particular ground the petitioner is relying on to declare the election void.

Untuk menyokong pendapat saya seterusnya atas isu bantahan awal kedua oleh responden pertama ini saya ingin merujuk kepada kes *Muip Bin Tabib v Dato James Wong* [1971] 1 MLJ 246 di mana BTH Lee H dalam penghakimannya antara lain di ms 247 menyatakan seperti berikut:

In my view para 2 of the petition does not constitute grounds within para(b) of s 32. To show that the returning officer was guilty of 'non-compliance with the provisions of any written law relating to any elections ...' it is I think necessary for the petitioners to refer to the specific written law. In neither of the petitions has any reference been made to such written law.

Peguam pempetisyen berhujah bahawa adalah tidak perlu untuk merujuk kepada peruntukan undang-undang yang berkenaan di bawah s 31 atau s 32 Akta tersebut dan menyatakannya secara spesifik di dalam petisyen yang dikemukakan oleh pempetisyen. Ini adalah kerana peruntukan k 4 kaedah-kaedah tersebut tidak ada menyatakan keperluan menyebut secara spesifik seksyen undang-undang di mana pilihanraya tersebut hendak dibatalkan. Tambahan pula peguam pempetisyen berhujah bahawa adalah menjadi amalan yang dipakai dalam sesuatu pliding dalam kes-kes sivil bahawa peruntukan undang-undang adalah tidak diplidkan. Saya tidak dapat bersetuju dengan hujah peguam pempetisyen oleh kerana hak untuk membatalkan sesuatu pilihanraya yang telah diadakan adalah diberi di bawah peruntukan ss 31 dan 32 Akta tersebut. Dalam hal ini saya masih berpegang kepada prinsip dan falsafah yang telah digariskan bagi kes-kes petisyen pilihanraya bahawa hak seseorang untuk memfailkan petisyen pilihanraya wujudnya daripada statut khusus berkaitan dengan pilihanraya. Oleh itu hanya prosedur dan limitasi yang terdapat dalam statut khusus tersebut terpakai dan hendaklah dipatuhi dengan ketat. Saya dengan ini memutuskan petisyen ini adalah tidak mengikuti kehendak peruntukan k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut dan atas alasan ini sahaja petisyen ini boleh dibatalkan.

Berhubung dengan hujah bagi pihak responden pertama bahawa fakta-fakta dakwaan yang pempetisyen bergantung untuk mengekalkan permohonannya yang dinyatakan oleh pempetisyen dalam petisyennya adalah tidak jelas, tidak spesifik, dibuat secara am dan agak hambar saya tidak dapat menerima atas alasan ini bahawa petisyen pempetisyen patut dibatalkan kerana tidak memenuhi kehendak k 4(1)(b) kaedah-kaedah tersebut. Pempetisyen di dalam perenggan 3 petisyennya telah memperturunkan fakta-fakta dakwaan terhadap responden pertama di atas tajuk butir-butir dakwaan seperti berikut:

BUTIR-BUTIR

(a) Dalam masa memberi sokongan kepada Wan Othman bin Wan Yusoff pada 28 November 1999 jam lebih kurang 10.00 malam di Kedai Kopi Ibrahim Che Pa seorang Penghulu Yakob bin Mohamad bagi pihak Wang Othman bin Wan Yusoff tersebut telah memberi wang tunai sebanyak RM40 kepada Mat Daud bin Idris (No KP: 0157741), seorang pengundi di dalam Bahagian Pilihanraya tersebut dengan tujuan untuk memperolehi undinya.

(b) Dalam masa memberi sokongan kepada Wan Othman bin Wan Yusoff tersebut pada 28 November 1999 jam lebih kurang 10.00 malam di Kedai Kopi Ibrahim Che Pa seorang Pegawai Penempatan Pejabat Tanah Pasir Mas yang juga menjadi Pegawai Pilihanraya, iaitu Muhammad bin Daud bagi pihak Wang Othman bin Wan Yusoff tersebut telah memberi wang tunai sebanyak RM100 kepada seorang

A Mat Daud bin Idris (No KP: 0157741) seorang pengundi di dalam Bahagian Pilihanraya tersebut dengan tujuan untuk memperolehi undinya.

(c) Dalam masa memberi sokongan kepada Wan Othman bin Wan Yusoff tersebut pada hari mengundi, 29 November 1999 di tempat mengundi, di Sekolah Teknik Bunut Susu Tendong, Pasir Mas, semasa kertas undi
B diberi, seorang Muhamad bin Daud, Pegawai Pilihanraya di Peti Undi Hutan Chengal bagi pihak Wan Othman bin Wan Yusoff tersebut telah memberi wang tunai RM100 kepada seorang Rafiah bte Awang (No KP: 4321507) seorang pengundi di dalam Bahagian Pilihanraya tersebut dengan tujuan untuk memperolehi undinya.

(d) Dalam masa memberi sokongan kepada Wan Othman bin Wan Yusoff
C tersebut pada 29 November 1999 jam lebih kurang 2.00 pagi tiga orang yang bernama Ab Hamid bin Aziz, Sani bin Hassan dan Mat Zaud bin Yunus, bagi pihak Wan Othman bin Wan Yusoff tersebut telah memberi wang tunai RM80 kepada seorang Che Ismail Bin Mamat (No KP: 370417-03-5363) yang tinggal di Lot 636, Kg Ekor Pasir, Tendong, Pasir Mas, seorang pengundi di dalam Bahagian Pilihanraya
D tersebut dengan tujuan untuk memperolehi undinya serta undi ahli keluarga penama tersebut seramai tiga orang lagi, yang juga pengundi-pengundi di dalam Bahagian Pilihanraya tersebut.

Saya berpendapat berhubung dengan bentuk hubungkait responden pertama, Wan Othman Bin Wan Yusoff dengan orang-orang yang terlibat
E yang dinyatakan dalam butir-butir pertuduhan seperti di atas ianya dapat dikemukakan oleh pempetisyen dalam perbicaraan petisyen ini nanti dmana melalui keterangan saksi-saksi penjelasan dapat diberi. Seterusnya saya bersetuju dengan hujah peguam pempetisyen bahawa hubungkait calon dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang pilihanraya amatlah luas sekali dan perbuatan seseorang calon itu boleh dilakukan secara tersirat
F atau tersorok.

Berhubung dengan kaitan responden pertama dengan ejen-ejennya dalam melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya yang didakwa bagi pihak responden pertama behawa pempetisyen tidak menyatakan dengan jelas bagaimana ejen-ejen ini dilantik dan dalam keadaan bagaimana ejen-ejen
G ini dikatakan melakukan kesalahan bagi pihak responden pertama, saya berpendapat makna ejen dalam ertikata 'Common law' adalah amat luas pemakaiannya dalam konteks kes-kes petisyen pilihanraya. Oleh yang demikian adalah tidak munasabah dan wajar bagi responden pertama menghendaki pempetisyen mengemukakan secara spesifik dalam kapasiti dan keadaan macam manakah ejen-ejen tersebut telah bertindak untuk
H responden pertama dalam melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya yang didakwa tersebut. Dalam hal ini saya merujuk kepada kes *Ali Amberan v Tunku Abdullah* [1970] 2 MLJ 15 di mana Raja Azlan Shah H menyatakan berhubung dengan peranan ejen dalam sesuatu kes kesalahan pilihanraya antara lain di ms 17 seperti berikut:

I English parliamentary election law has been the source from which our election law is modelled and therefore it will not be incorrect for this court to receive from it the inspiration and guidance in interpreting our law, in particular the rules and tests laid down in English cases with regard to

'agency'. In English election law the definition of agency has been given a very wide scope and two quotations from English judges would suffice to show clearly the relationship: A

> 'By election law the doctrine of agency is carried further than in other cases. By the ordinary law of agency a person is not responsible for the acts of those whom he has not authorized, or even for acts done beyond the scope of the agents authority. ... But if the construction of agency were put upon acts done at elections, it would be impossible to prevent corruption. Accordingly a wide scope has been given to the term (see *Wakefield case* (1874) 20 Mal & H 102) In *Taunton* case (1869) 10 Mal & H 181 at p 182) Blackburn J remarked: B
>
> > "The rule of law has long been established that in parliamentary matters we are not to consider the strict rule of common law agency. ... it has long been established that where a person has employed an agent for the purpose of procuring his election, he, the candidate, is responsible for the act of that agent in committing corruption, though he himself not only did not intend it or authorize it but even bona fide did his best to hinder it." C
>
> 'It will thus appear that the law of agency in English election matters goes so far that a candidate may be made responsible even for acts done by the agent in defiance of his instructions.' D

Atas pendekatan yang diambil seperti dinyatakan di atas saya berpendapat takrif 'ejen' serta peranannya dalam konteks kes-kes kesalahan pilihanraya seharusnya merangkumi bukan sahaja seseorang yang telah dilantik secara spesifik oleh seorang calon pilihanraya untuk bekerja bagi calon tersebut tetapi juga mana-mana orang yang sememangnya telah bekerja secara bebas dan perkhidmatannya telahpun diterima oleh calon tersebut. Oleh yang demikian seseorang calon itu dalam sesuatu pilihanraya adalah bertanggungjawab datas tindakan-tindakan yang dilakukan oleh ejen-ejen yang bukan dan tidak semestinya mengikut arahan calon tersebut. E F

Saya seterusnya berpendapat sekiranya pihak responden pertama mendakwa bahawa butir-butir dakwaan yang dianggap sebagai pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan oleh pempetisyen katas responden pertama adalah tidak jelas atau kabur maka adalah merupakan suatu hak kepada responden pertama dbawah peruntukan k 5 kaedah-kaedah tersebut untuk membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan butiran-butiran lanjut tersebut. Kaedah 5 tersebut memperuntukkan seperti berikut: G

> Evidence need not be stated in the petition, but the judge may upon application in writing by the respondent, order such particulars as may be necessary to prevent surprise and unnecessary expense, and to ensure a fair and effectual trial upon such terms as to costs and otherwise as may be ordered. H

Atas alasan-alasan yang telah saya huraikan seperti di atas saya dengan ini membatalkan petisyen ini dengan kos.

Petisyen pilihanraya dibatalkan. I

Reported by Jafisah Jaafar